

Harap Leong pertahan juara

Peluang jagoan tempatan bukti kemampuan

Oleh Hasnira Hassan
niera@nstp.com.my

PEMAIN golf muda negara, Ben Leong (gambar) dijangka menyertai cabaran negara pada Masters Selangor-Worldwide Holdings yang dijadual bermula 5 hingga 8 Ogos depan, bagi mempertahankan gelaran yang dimilikinya tahun lalu.

Pemain berusia 23 tahun itu, bakal berdepan saingan 156 pemain lain - 112 profesional Jelajah Asia, 36 profesional dan amatir Malaysia - selain lapan pemain wildcard termasuk juara dan naib juara Kejohanan Golf

Remaja Etiqa Selangor (Etiqa Selangor) yang diadakan buat pertama kali, pada 31 Julai hingga 2 Ogos depan.

Pengesahan akhir penyertaan terutama barisan pemain profesional Asia pada Masters Selangor - yang diadakan dengan kerjasama Jelajah Asia - dijangka dimumkan kira-kira tiga minggu sebelum kejohanan.

Kejohanan edisi ketiga merebut Trofi Sultan Selangor yang masih kekal di lokasi sama, Kelab Golf Seri Selangor, Kota Damansara, menawarkan nilai hadiah sama seperti tahun lalu iaitu sebanyak

RM1 juta (AS\$300,000).

"Ini menjadi peluang buat jagoan golf tempatan membuktikan kemampuan mereka mengatasi pemain profesional Jelajah Asia seperti kejayaan Ben Leong tahun lalu," kata Pengerusi Eksekutif Jelajah Asia, Kyi Hla Han.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sebelum menandatangani perjanjian bersama Worldwide Holdings Berhad yang diwakili Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Ramli Mahmud, semalam.

Sementara itu, satu saingan kelayakan membabit-



kan aksi 36 pemain profesional negara yang tidak disenarai dalam Jelajah Asia bagi merebut lapan tempat di Masters Selangor akan diadakan selama sehari, sebelum kejohanan berlangsung.

Pada edisi kedua tahun lalu, Leong menewaskan Thongchai Jaidee - juara dua kali Terbuka Malaysia - bagi meraih kejuaraan sulungnya dalam Jelajah Asia apabila mencatatkan 269 pukulan mengatasi jagoan Thailand yang sekadar melakukan 270 pukulan.